

Implikasi Hubungan Diplomatik Terhadap Kerajaan Melaka dan Kedah Berdasarkan Naskhah Melayu Tradisional

Implication of Diplomatic Relation to Government of Malacca and Kedah Based on Malay Traditional Manuscripts

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Hubungan diplomatik yang terjalin antara kedua-dua buah atau lebih kerajaan merupakan hasil persetujuan bersama untuk mencari kata sepakat bagi mengukuhkan pertahanan dalam pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan. Pemerintah kerajaan sama ada kerajaan baharu ditubuhkan mahupun kerajaan yang merasakan terancam akan menawarkan hubungan diplomatiknya dengan kerajaan di kawasan persekitaran yang lebih kuat dan mantap pertahanannya. Oleh itu, sekiranya sesebuah kerajaan tidak menjalin sebarang hubungan dengan kerajaan lain, kebarangkalian, kerajaan tersebut tidak mencapai kemajuan dan tidak dikenali di sekitarnya. Justeru, dengan adanya hubungan diplomatik, kerajaan-kerajaan tersebut akan memperoleh kebaikan yang banyak daripada pelbagai sudut. Justeru, kajian ini akan memfokuskan implikasi hubungan diplomatik terhadap kerajaan Melaka dan Kedah sebagai kerajaan tertua dan terkenal di Nusantara sebagai perbincangan utama dengan mengambil peristiwa yang terdapat dalam naskhah Melayu tradisional seperti Sulalat al-Salatin, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa, dan Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Jangkaan kajian menunjukkan bahawa implikasi hubungan diplomatik tersebut akan dapat dilihat dengan penambahbaikan aspek politik, sosiobudaya, ekonomi dan agama.

Kata kunci: Implikasi; diplomatik; Melaka; Kedah; naskhah Melayu

ABSTRACT

The diplomatic relations between the two or more governments are the result of a mutual agreement to seek consensus to strengthen defence in the governance and administration of a government. The ruler of a government whether a newly formed government or a government that feels threatened will offer diplomatic relation to the government in a stronger and more stable environment. Therefore, if a government does not have any relationship between other governments, it is probable that the government is not progressing and is not known. Hence, with diplomatic relations, these government will gain a lot of benefits from the various aspect. Therefore, this study will focus on the implication of diplomatic relations to the government of Malacca and Kedah as the oldest and most famous government in the Malay archipelago as a main discussion by taking on the events found in Malay traditional manuscripts such as Sulalat al-Salatin, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa, dan Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. The expectation of the study shows that the implications of the diplomatic relations will be seen by improvement on political, socio-cultural, economic and religious aspects.

Keywords: Implication; Diplomatic; Malacca; Kedah; Malay manuscripts

PENGENALAN

Hubungan diplomatik merupakan hubungan yang terjalin antara dua atau lebih kerajaan. Matlamat utama hubungan ini terjalin ialah untuk memantapkan pemerintahan dan pentadbiran serta pembangunan sebuah kerajaan, terutamanya kerajaan baharu dan kerajaan yang acap kali diceroboh atau diganggu oleh pihak musuh. Keith Hamilton dan Richard Langhorne (2011) berpendapat bahawa istilah diplomatik ialah *in a world where war is everybody's tragedy and*

everybody's nightmare, diplomacy is everybody's business. Sementara itu, dalam *The Oxford English Dictionary* (1989), diplomatik ditakrifkan sebagai suatu bentuk pengurusan hubungan antarabangsa melalui proses rundingan, suatu kaedah yang diselaraskan oleh duta atau perwakilan, perniagaan atau seni diplomat, kemahiran dalam mengendalikan urusan antarabangsa dan perundingan manakala Bijan Bidabad (2012), mendefinisikan diplomatik kepada dua bentuk iaitu yang pertama, diplomatik ialah peraturan atau bimbingan polisi sesebuah negara

yang berkaitan dengan isu-isu politik antarabangsa, dan bentuk kedua ialah diplomasi merupakan suatu kemahiran atau seni dalam berunding untuk mencapai kesefahaman di peringkat antarabangsa. Selain itu, diplomasi adalah istilah yang diberikan kepada saluran rasmi perhubungan yang digunakan oleh ahli-ahli sistem negeri dalam sistem dunia moden ini yang boleh didapati terutamanya dengan mengguna pakai istilah diplomat atau konsul. Mereka ini menikmati perlindungan peraturan undang-undang khas dan bermastautin tetap di luar negara (G. R. Berridge, Maurice Keens-Soper and T.G Otte 2001). Afzal Iqbal (2000) pula menyatakan bahawa diplomasi ialah saranan untuk mencapai tujuan dan sesuatu yang bersih serta jujur serta mencari jalan persetujuan tetapi mencapai persefahaman kedamaian adalah lebih diutamakan. Menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2015:136) diplomatik ialah hubungan yang melibatkan dua atau lebih kerajaan, yang mempunyai matlamat dan keinginan bersama untuk bersatu dalam memenuhi kelompangan yang ada dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Justeru, hubungan diplomatik sememangnya memberi banyak kebaikan kepada kerajaan yang terlibat dengannya.

Hubungan diplomatik terjalin dengan tujuan untuk melindungi sesebuah kerajaan daripada ancaman musuh luar bagi memelihara kebajikan dan keselamatan para penduduknya (Salmah Jan Noor Muhammad 2018:3). Selain itu, adakalanya sesebuah negara menggunakan helah diplomatik untuk meluaskan pengaruhnya atas alasan untuk mengukuhkan, meninggikan imej, dan prestij negara tersebut. Menurut Mohd Jamil Mukmin (2011:71) tujuan utama sesebuah kerajaan menjalin hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar adalah untuk mengelakkan ancaman musuh yang mengganggu urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan. Menurut Karen Mingst (1998:14-15) dalam bukunya *Approaches to the study of international relation*, terdapat tiga pendekatan yang membentuk hubungan antarabangsa (diplomatik), iaitu hubungan tradisional, perlakuan (behavioral) dan alternatif. Hubungan tradisional ialah satu bentuk hubungan tradisi merentasi masa, iaitu satu bentuk hubungan diplomasi yang telah sedia ada terjalin. Manakala hubungan antarabangsa atas sebab perlakuan (behavioral) pula ialah satu bentuk hubungan yang dijalin atas sebab-sebab ekonomi, sosiologi, dan sains politik. Sementara itu, hubungan antarabangsa juga boleh terbentuk atas sebab alternatif yang terdapat beberapa faktor yang

mendorong sesuatu negara mengadakan hubungan diplomatik antaranya ialah menunjukkan kerjasama dan usaha sama dalam sesuatu dasar, konsep atau objektif yang ingin dicapai secara bersama. Oleh itu, penulisan ini akan membincangkan implikasi hubungan diplomatik terhadap kerajaan Melayu yang menjalinkan hubungan diplomatik di Nusantara dan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dengan menumpukan kepada peristiwa-peristiwa dalam naskhah Melayu tradisional seperti *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* untuk analisis data.

Sulalat al-Salatin atau juga dikenali sebagai *Sejarah Melayu*, ataupun *Hikayat Melayu* karangan Tun Seri Lanang merupakan sebuah karya sastera sejarah Melayu dan menjadi asas kepada pensejarahan karya Melayu yang lain. Menurut Teuku Iskandar (1958), teks *Sulalat al-Salatin* yang bermaksud 'Peraturan Segala Raja-Raja' dikatakan telah disalin oleh Tun Seri Lanang pada 12 Rabi'ul-awal 1021H bersamaan 13 Mei 1612. Terdapat beberapa pengkaji yang membincangkan tentang *Sulalat-al-Salatin*. Antaranya, Arba'ie Sujud, Siti Rabiatul Adawiah Jaffar dan Salihahs Razak (2014). Mereka mengatakan bahawa salah satu peranan senjata dalam manuskrip ini adalah bertujuan sebagai alat komunikasi terutamanya dalam bidang politik. Dalam komunikasi politik, senjata menjadi tanda atau alat iringan dalam menjalin hubungan antara dua buah kerajaan. Selain itu, senjata juga digunakan sebagai menyampaikan arahan atau mesej kepada rakyat. Dengan mengambil contoh genta yang dipasang pada perisai dibunyikan melalui hanyunan atau layaman sebagai isyarat agar bala tentera di bawah pimpinan ketua panglima bersedia atau terus mara untuk menyerang musuh. Bunyi genta pada perisai sebagai satu bentuk komunikasi kepada bala tentera untuk berperang. Justeru, senjata bukan sahaja berfokuskan kepada aktiviti fizikal semata, namun juga merupakan simbol perpaduan yang dapat membentuk kesepaduan dalam jalinan hubungan antara kerajaan. *Hikayat Hang Tuah* merupakan naskhah yang acap kali menjadi pilihan penyelidik apabila membicarakan tentang genre epik. Antara pengkaji yang telah mengkaji naskhah ini ialah Lokman Abdul Samad pada tahun 2001. Beliau berpendapat bahawa kebijaksanaan, kepahlawanan, peribadi, dan akhlak yang dimiliki oleh Hang Tuah telah menempatkan dirinya sebagai seorang manusia Melayu yang bertaraf dunia dan mampu bersaing di peringkat

antarabangsa. Tambahnya lagi, keunggulan Hang Tuah bukan setakat hebat di medan perang tetapi menyerlah sebagai seorang yang bijak dan fasih dalam berkomunikasi semasa membuat hubungan diplomatik. Dalam prinsip kerajaan Melayu, kemuliaan dan ketinggian martabat sesebuah negara banyak bergantung kepada komitmen dan kejayaan mengatur tugas diplomatik. Justeru, cita-cita dan harapan membentuk kerajaan yang berpengaruh banyak bergantung kepada Hang Tuah.

Hikayat Merong Mahawangsa merupakan antara karya besar sastera historiografi kerajaan Kedah selain daripada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Syair Sultan Maulana* dan *Tarikh Kerajaan Kedah*. *Hikayat Merong Mahawangsa* secara asasnya merupakan sebuah karya agung Melayu terpenting dalam meriwayatkan sejarah asal usul negeri Kedah serta salasilah keturunan kesultanan Kedah. Meskipun tidak diketahui pengarang dan tarikh penulisannya, teks ini merupakan hasil sastera yang memancarkan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu tentang bentuk penulisan sejarah yang tersendiri (Harun Mat Piah 2000:34) manakala *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad. Beliau menerima perintah daripada Tunku Ibrahim ibn Sultan Abdul Hamid, Pemangku Raja pada 1 Rejab 1345H (5 Januari 1927) untuk menulis manuskrip ini. Jelani Harun (2003: 12) menegaskan bahawa naskhah ini memfokuskan perbincangan kepada dua aspek penting, iaitu tentang dokumen sejarah dan adab ketatanegaraan. Beliau mengatakan bahawa salasilah raja Kedah, pembukaan negeri dan kota, kedatangan Islam, peranan para pembesar, perkahwinan dan kemangkatan, peperangan dengan negara luar, keberangkatan raja, penerimaan utusan, pemantapan sistem sosial dan pentadbiran, serta perhubungan dengan Inggeris merupakan dokumen sejarah yang penting dalam naskhah ini dan perlu dijadikan rujukan dalam menceritakan tentang sejarah Kedah manakala, adab ketatanegaraan yang meliputi 'adab raja,' 'adab peperangan,' 'adab temenggung' dan 'adab penasihat raja' adalah panduan kepada raja-raja Kedah untuk memerintah dengan saksama dan merupakan suatu sumber yang sangat berharga dalam menelusuri ketinggian dan kebijaksanaan adab pemerintahan negeri Kedah masa silam. Apabila diteliti secara mendalam, naskhah-naskhah di atas sememangnya relevan dalam pengkajian semasa kerana acapkali menghadirkan kepelbagaian tema dalam kajian. Oleh itu, seharusnya naskhah-naskhah tradisional

ini terus menjadi perhatian pengkaji-pengkaji dalam arus perdana. Justeru, makalah ini diharapkan akan memberi sumbangan dapatan terbaharu dalam bidang sastera tradisional dan sains politik.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Implikasi hubungan diplomatik kerajaan Melayu Melaka dan Kedah dapat dilihat daripada aspek a) politik, b) sosiobudaya, c) ekonomi dan, d) agama. Setiap aspek ini akan diperincikan perbincangan seperti berikut:

IMPLIKASI HUBUNGAN DIPLOMATIK DARIPADA ASPEK POLITIK

Implikasi hubungan diplomatik Melayu daripada aspek politik dalam naskhah Melayu tradisional tertumpu kepada aspek pertahanan dan ketahanan dalam pemerintahan dan pentadbiran sebuah kerajaan Melayu. Menurut Adibah Sulaiman et al. (2005:91), pertahanan bermaksud perihal mempertahankan, membela, dan menjaga keselamatan serta keamanan negara. Manakala ketahanan ialah perihal tahan atau keupayaan menanggung derita terhadap sesuatu. Selain itu, ketahanan juga bermaksud tetap keadaannya walaupun mengalami pelbagai keadaan, sanggup menahan, dan teguh hati. Dengan kata lain, pertahanan dan ketahanan merupakan kesanggupan atau perbuatan secara suka rela sesebuah masyarakat untuk mempertahankan negaranya daripada diganggu oleh anasir luar. Kelompok masyarakat ini sanggup bergadai nyawa dan sanggup berbuat apa sahaja agar tanah air tercinta tidak ditakluki.

Aspek pertahanan dan ketahanan ini menjadi semakin kukuh dengan terjalannya hubungan diplomatik antara kerajaan. Antara implikasi yang wujud daripada aspek politik yang dikesan ialah: a) mencipta komuniti keselamatan, keamanan, dan kerjasama dan, b) memperoleh bekalan barang pertahanan kerajaan.

Mencipta Komuniti Keselamatan, Keamanan, dan Kerjasama (4K)

Hasil daripada hubungan diplomatik Melayu yang digunakan oleh orang Melayu telah berjaya mencipta sebuah komuniti keselamatan, keamanan, dan kerjasama (4K) dalam melindungi sesama kerajaan yang menjalinkan hubungan diplomatik.

Pendek kata, sama-sama menjadi ‘pelindung diplomatik’ dalam usaha merealisasikan hubungan diplomatik yang telah terjalin antara kerajaan. Tanpa mengira agama dan ras bangsa serta ideologi politik, kerajaan Melayu serantau ini secara rela membina tanggungjawab serta mengambil tahu akan hal ehwal semasa politik yang berlaku antara kerajaan. Hal ini, dengan sendirinya membentuk dan mencipta implikasi pertama ini.

4K bukan sahaja dapat menjamin dan mengukuhkan hubungan sesama kerajaan, ia dibentuk untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan masing-masing daripada aspek lain seperti kesejahteraan ekonomi dan sosial (akan dibincangkan) dengan bersama-sama menghalang ancaman pihak luar daripada mengancam keselamatan kerajaan. Justeru, akan mewujudkan suatu persekitaran yang harmoni dalam sebuah kerajaan dan hubungan yang saling memanfaatkan antara kerajaan tersebut. Di samping itu, atas semangat ini juga, kerajaan yang terlibat akan mendorong perasaan taat setia dan sedaya upaya mengelakkan perbuatan khianat. Dalam naskhah *Sulalat al-Salatin*, Sultan Mahmud daripada kerajaan Melaka telah membantu kerajaan Pahang yang diperintah oleh Sultan Mansur Syah menyelesaikan pencerobohan Legor ke atas Pahang.

Raja Legor yang bernama Maharaja Dewa Sura telah diarahkan oleh kerajaan Siam untuk menyerang dan menakluk Pahang. Berita tersebut telah sampai kepengetahuan Sultan Mahmud Syah. Lalu baginda bermuafakat dengan pembesar baginda untuk menghantar bantuan kepada kerajaan Pahang bagi menangani serangan Raja Legor dan mempertahankan kerajaan Pahang daripada diceroboh oleh raja tersebut. Petikan di bawah ini menunjukkan usaha Sultan Mahmud Syah dan pembesar baginda untuk membantu Pahang daripada ditakluki oleh Raja Legor :

Maka khabar Raja Legor disuruh raja Siam menyerang Pahang itu pun kedengaranlah ke Melaka. Maka Sultan Mahmud menyuruh memanggil Bendahara Seri Maharaja, dan segala Orang Besar-besar para Menteri, hulubalang. Maka sekaliannya pun datanglah mengadap; maka Sultan Mahmud pun mesyuaratlah akan pekerjaan Raja Legor hendak menyerang Pahang itu, Maka sembah Seri Nara Diraja, “Tuanku, pada bicara patik, baik juga duli Yang Dipertuan menyuruh membantu Pahang, dari kerana barang sesuatu peri Pahang itu, tiadakah duli Yang Dipertuan kerugian?” Maka titah Sultan Mahmud, “Baiklah, jika demikian Bendahara pergi dengan segala hulubalang, membantu Pahang. Maka sembah Bendahara Seri Maharaja, “Baiklah tuanku.”

(A.Samad Ahmad 2010: 238)

Dalam peristiwa tersebut, Pahang dengan bantuan Melaka telah berjaya menewaskan angkatan tentera Raja Legor. Adalah diperihalkan oleh pengarang naskhah, bahawa Raja Legor terpaksa melarikan dirinya dan ramai tenteranya yang telah terbunuh dalam peperangan tersebut (A. Samad Ahmad 2010: 240) disebabkan kedua-dua kerajaan saling bekerjasama dan sehabis daya melawan serangan daripada kerajaan musuh. Dalam keadaan ini, peribahasa ‘bersatu teguh, bercerai roboh,’ telah ditanamkan dalam jiwa kedua-dua pemerintah. Kesannya, Pahang tidak berjaya ditawan oleh Raja Legor. Selain itu, peristiwa Kedah dibantu oleh Siam dalam menentang serangan Raja Kelana Hitam dalam naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa* juga membuktikan bahawa hubungan diplomatik antara kerajaan telah membantu Kedah kekal aman dan ditadbir oleh waris Kesultanan Melayu Kedah sendiri (Siti Hawa Salleh 1998: 68). Sejak daripada peristiwa tersebut, hubungan Kedah dan Siam yang sememangnya baik menjadi lebih akrab.

Kedua-dua peristiwa di atas membuktikan bahawa kesan daripada kejayaan hubungan diplomatik antara kerajaan telah berjaya mewujudkan sebuah komuniti keselamatan, keamanan, dan kerjasama (4K), yang mana 4K ini telah berjaya membantu kerajaan Pahang dan Kedah mengekalkan kedaulatan dan memperkukuhkan benteng pertahanan kerajaan masing-masing. Hidup serumpun yang harmoni tanpa gangguan akan menguatkan lagi perpaduan antara masyarakat dalam dan luar kerajaan. Semangat bantu-membantu dan mengambil tahu antara satu sama lain menyebabkan ikatan diplomatik antara kerajaan semakin kukuh.

Memperoleh Bekalan Barang Pertahanan Kerajaan

Salah satu implikasi yang dapat dinikmati oleh sebuah kerajaan hasil daripada hubungan diplomatik Melayu ialah memperoleh bekalan barang pertahanan kerajaan lain dalam mengukuhkan sistem pertahanan kerajaan. Pada zaman kesultanan Melayu, parang, pisau, badik, karambit, lembing, dan tombak merupakan antara alat persenjataan yang digunakan oleh orang Melayu untuk mempertahankan kedaulatan kerajaan. Namun, orang Melayu menyedari bahawa alat senjata yang digunakan itu tidak dapat mencabar kekuatan kerajaan lain khususnya kerajaan daripada Barat. Hal ini, kerana pada masa itu, kerajaan Barat seperti Portugis sudah mempunyai meriam dan senapan. Pengarang *Hikayat Hang Tuah* menyebutkan bahawa semasa Hang Tuah pergi ke China untuk menjadi

utusan Benua Keling, rombongan Hang Tuah telah berselisih faham dengan pihak Portugis. Lalu pihak Portugis membedil beberapa kali kapal Hang Tuah (Kassim Ahmad 1997:417). Ternyata daripada peristiwa tersebut, pihak Portugis mempunyai kecanggihan dan bekalan alat senjata berbanding orang Melayu pada ketika itu.

Justeru, menyedari hal tersebut, orang Melayu mengambil langkah berjaga-jaga dengan melakukan anjakan paradigma dalam sistem pertahanan khususnya daripada aspek persenjataan. Perkara ini penting kerana dengan adanya penambahan model baharu peralatan pertahanan kerajaan, sistem pertahanan sebuah kerajaan akan semakin kuat dan kukuh. Selain itu, keadaan ini akan mewujudkan semangat kepada raja, pembesar serta rakyat dan seterusnya memberi keyakinan kepada ketiga-tiga golongan ini untuk terus bersama-sama berganding bahu mempertahankan kedaulatan dan mengekalkan kemerdekaan kerajaan. Oleh itu, dengan adanya hubungan diplomatik yang terjalin antara kerajaan Melayu dengan antara kuasa pengeluar barang pertahanan seperti meriam dan senapang, ia akan memudahkan kerajaan Melayu memperoleh bekalan barangan pertahanan tersebut apabila diperlukan.

Kepentingan barang seperti meriam kepada pertahanan kerajaan diakui sendiri oleh pemerintah kerajaan Kedah. Kerajaan Kedah telah membeli bedil meriam daripada pihak Portugis yang masuk berdagang ke Kedah. Tujuan raja Kedah berbuat demikian adalah untuk menguatkan pertahanan dan bersedia menghadapi penceroboh yang ingin mengganggu gugat pertahanan Kedah. Buktinya:

Adapun baginda itu sentiasa-lah bermuafakat dengan segala menteri2 penggawa-nya kalau membuat sa-suatu pekerjaan negeri dan sentiasa menchari jalan yang mendatangkan kebajikan kepada negerinya.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968:73)

Selain pembelian terus daripada pedagang Portugis, hubungan penghantaran utusan diraja juga sangat membantu raja Melayu untuk memperoleh bekalan barangan tersebut. Misalnya, Hang Tuah yang berkarisma dan berkaliber sebagai utusan kerajaan Melaka telah berjaya menarik perhatian raja Rom (Turki). Kerajaan Rom bersetuju untuk menerima hubungan diplomatik dengan Melaka dan juga bersedia memberikan bekalan meriam kepada kerajaan tersebut. Lihat petikan ini:

...kata baginda, "Ia ini bukan barang-barang orang, amat bijaksana, sangat ia hendak berbuat kebaktian pada tuannya dan sukar mencari hamba dan hulubalang seperti ini." Maka titah

baginda dengan bahasa rong, "Hai biduandaku, tanyakan utusan itu, lain daripada bedil itu apa lagi maksud Raja Melaka itu pada kita?"... Kemudian dari itu, berpuluh-puluh kati emas dan perak dan permata dan senjata berbagai-bagai dianugerah akan baginda pada Laksamana dan Maharaja Setia.

(Kassim Ahmad 1997:530)

Dengan persediaan penambahan peralatan pertahanan sesebuah kerajaan, maka kerajaan tersebut akan dapat mengukuhkan pertahanan kerajaan serta dapat memperkasakan minda dan fizikal rakyatnya dalam menghadapi ancaman atau serangan dari kerajaan luar. Dalam hal ini, kerjasama antara kerajaan Melayu dengan kerajaan yang berpengaruh khususnya yang mempunyai kekuatan daripada aspek pertahanan seperti Rom akan dapat membantu Melaka melaksanakan misinya dan juga perkara ini sedikit sebanyak mampu mempengaruhi cara kerajaan Melayu dalam mengatur corak pertahanan kerajaan. Menurut Abdul Latip Talib (2010: 197), kerajaan Rom merupakan antara kuasa berpengaruh di dunia dan mempunyai angkatan tentera yang kuat. Oleh demikian, hubungan diplomatik yang terjalin antara kerajaan Melayu Melaka dengan Rom telah banyak membantu Melaka menjaga kedaulatan raja, bangsa, dan negara. Dalam konteks ini, kekuatan ketenteraan yang dimiliki disebabkan oleh penambahan barang peralatan bukanlah bertujuan untuk menyerang atau untuk menguasai bangsa dan negara lain tetapi lebih kepada bertujuan untuk mempertahankan kerajaan daripada diceroboh oleh musuh.

IMPLIKASI HUBUNGAN DIPLOMATIK MELAYU DARIPADA ASPEK SOSIOBUDAYA

Salah satu implikasi hubungan diplomatik yang dikenal pasti dalam penulisan ini ialah daripada aspek sosiobudaya. Pertembungan dua bangsa dalam kerajaan berlainan melalui ikatan perkahwinan telah membentuk sebuah masyarakat campuran atau golongan peranakan. Perbincangan ini akan menumpukan perkahwinan antara dua bangsa dalam kalangan golongan bangsawan yang menghasilkan peranakan istana. Huraianya seperti berikut:

Komuniti Peranakan Istana


Komuniti peranakan istana wujud dalam sesebuah masyarakat kesan daripada perkahwinan campur antara dua bangsa daripada kerajaan berlainan. Buku *1 Malaysia* (2009) terbitan Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia menyatakan

bahawa istilah ‘peranakan’ merujuk kepada salah satu kelompok yang bermastautin di Nusantara. Ia wujud disebabkan oleh perkahwinan campur antara bangsa yang berlainan. Sementara itu, dalam konteks kajian ini, perkataan ‘peranakan’ istana bermaksud perkahwinan yang berlaku antara pemerintah atau waris keturunannya dalam sebuah kerajaan yang berketurunan Melayu dengan pemerintah atau anak-anaknya daripada kerajaan lain yang berketurunan bukan Melayu. Hasil daripada perkahwinan tersebut telah membentuk suatu komuniti baharu, iaitu komuniti peranakan istana.


Antara perkahwinan campur yang menghasilkan komuniti peranakan istana ialah:

Naskhah Sulalat al-Salatin


Perkahwinan pertama:



Perkahwinan kedua:



Naskhah Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah



Komuniti peranakan dalam istana ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan mencantumkan adat serta budaya, malahan menurut Sarjit S. Gill (2001:190), anak peranakan yang dilahirkan ini mempunyai kecerdasan, kepintaran dan kecantikan tersendiri hasil daripada percantuman gen yang berbeza. Oleh demikian, dengan ciri tersebut, ia akan dapat melancarkan proses pentadbiran di samping memantapkan pengurusan negara dan dapat mengembangkan pengaruh sosiobudaya kerajaan datuk moyang masing-masing ke dalam khalayak istana, khususnya dan rakyat, amnya.

IMPLIKASI HUBUNGAN DIPLOMATIK MELAYU DARIPADA ASPEK EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi akan menggalakan pembangunan sebuah kerajaan yang mampan. Menurut Muhammad Asad (1980:86), sesebuah kerajaan perlu bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan terutama peluang ekonomi yang membolehkan setiap rakyat mencapai dan mengekalkan kebahagiaan (*happiness*) dan maruah diri (*dignity*). Salah satu aktiviti yang menggalakan pertumbuhan dan pengembangan pesat ekonomi ialah dengan melakukan aktiviti perdagangan. Aktiviti ini begitu terkenal pada zaman kesultanan Melayu. Antara aktiviti perdagangan tersebut akan diuraikan dalam subtopik di bawah ini.

Kemasukan Para Pedagang Luar

Kesepakatan Raja Singgora (Songkla) dan Kedah bersama-sama membina jalan dari Singgora ke Kedah dalam naskhah *Altarikh Salasilah Negeri Kedah* telah membuka peluang perdagangan kepada kedua-dua kerajaan (Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968:215). Namun,

kelebihan pembinaan jalan tersebut lebih berpihak kepada kerajaan Kedah. Hal ini kerana, terdapat ramai pedagang luar yang memilih Kedah untuk berurusniaga. Keadaan sedemikian ada kaitannya dengan keadilan pemerintahan raja Kedah serta keamanan Kedah pada masa itu. Keadaan tersebut bukan sahaja membantu menjana ekonomi penduduk malahan turut memberi imej positif kepada sultan dan pembesar Melayu atas kecekapan mentadbir serta kelancaran aktiviti ekonomi kerajaan Kedah. Keadaan tersebut digambarkan oleh pengarang seperti petikan ini:

Adapun dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh lima (1285) terdapat banyak-lah rumah2 kedai ikatan batu di dalam bandar Kota Setar itu hinggakan hampir2 penoh segala lorong2 dengannya. Maka ramai-lah saudagar2 yang terdiri daripada bangsa Keling, Hindu, dan China masok berniaga di dalam negeri Kedah oleh kerana termashor adilnya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan insafnya dia di-atas segala ra'ayat isi negeri.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968:219-220)

Selain itu, semasa pemerintahan Raja Merong Mahawangsa dalam kerajaan Langkasuka, baginda telah berjaya menjalin hubungan dengan kerajaan Aceh dan Kelinggi. Kesan daripada hubungan tersebut, Langkasuka telah mendapat perhatian daripada pedagang luar khususnya pedagang kerajaan sahabat dan kesannya, telah membantu kerajaan Langkasuka membangunkan serta memantapkan ekonomi kerajaannya. Kedatangan beramai-ramai pedagang luar ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Maka termahsyurlah Raja Merong Mahawangsa itu sudah duduk menjadi raja pada tempat itu. Maka segala dagang senteri pun berhimpunlah datang berniaga ke dalam negeri itu. Dengan baik budi bahasanya baginda itu serta dengan menteri sekalian itu tiadalah merasai kesakitan segala rakyat mencari makan pergi mari ke negeri itu. Maka banyaklah orang telah pindah dengan anak isterinya pergi duduk bersama-sama Raja Merong Mahawangsa; makinlah bertambah-tambah rakyatnya daripada sebulan kepada sebulan, daripada setahun kepada setahun, makin banyak segala orang pindah ke negeri itu. Maka tetaplah Raja Merong Mahawangsa di atas takhta kerajaan dengan adil murahannya.

(Siti Hawa Salleh 1998:15-16)

dan,

Sebermula adapun Raja Merong Mahapudisat selama peninggal ayahanda baginda itu, maka ia pun duduklah di atas takhta kerajaannya di negeri Kedah Zamin Turan, terlalulah adil dan murah pada segala dagang, senteri, rakyat, bala sekalian. Maka sekalian mereka itu pun memuji-muji akan dia, banyaklah datang segala mereka berniaga dari sebulan kepada sebulan, makin bertambah-tambah ramainya serta banyak orang datang ke negeri itu.

(Siti Hawa Salleh 1998:35)

Selain kerajaan Kedah, kerajaan Melaka juga menerima tempias hasil daripada kejayaan hubungan diplomatik Melayu. Melaka berjaya menjadi salah satu kuasa perdagangan dunia, yang mana ramai pedagang asing telah datang ke Melaka untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Lantaran kepentingan Melaka sebagai pusat perdagangan dunia, ramai pengkaji telah menulis atau mengkaji tentang aspek ini. Antaranya, Noordin Husin (2008) dengan tajuk tulisannya *Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia, dan Dunia Melayu 1700-1800* dan Ahmad Jelani Halimi (2008) dengan tajuk tulisannya '*Perkapalan dan Perdagangan Melaka*' dalam buku *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Menurut kedua-dua penulis ini, tumpuan para pedagang untuk berdagang ke Melaka juga dibantu dengan kedudukan Melaka yang hubungan di bahagian tengah Selat Melaka dan menjadikan Melaka sebagai pusat perkapalan dan perdagangan yang penting (Ahmad Jelani Halimi 2008:238; Noordin Husin 2008:3). Selain itu, dalam naskhah *Sulalat al-Salatin*, ada mengisahkan secara ringkas tentang keadaan Melaka pada ketika itu. Peristiwa tersebut seperti berikut:

Adapun pada zaman itu negeri Melaka terlalulah ramainya, segala datang pun bertambah-tambah berkampung, dari sebelah Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh, rapat rumah; orang pergi-pergian dari Melaka hingga datang ke Jugra tiada membawa api; barang di mana ia berhenti, di sana adalah kampung orang. Dan dari sebelah sini datang ke Batu Pahat, demikian juga; kerana rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang dalam negeri juga itu.

(A.Samad Ahmad 2010:244)

Kedatangan para pedagang luar dan pedagang daripada kerajaan diplomatik ke kerajaan Melayu lain membuktikan bahawa hubungan diplomatik yang dirancang telah memberikan kesan positif kepada pembangunan ekonomi sesebuah kerajaan. Pemerintah kerajaan diplomatik bertanggungjawab membantu memantapkan serta melancarkan aktiviti ekonomi sesebuah kerajaan khususnya kepada kerajaan yang baharu dibentuk seperti Langkasuka dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Selain itu, aktiviti perdagangan yang menjadi aktiviti terbesar dalam aspek ekonomi telah membantu masyarakat melengkap keperluan asas dalam kehidupan. Dengan berkongsi segala kekurangan sumber dagangan antara kerajaan, maka kehidupan sesebuah masyarakat akan lebih sempurna dan dapat menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kerjasama ekonomi antara kerajaan

diplomati mampu meningkatkan taraf hidup rakyat, di samping mempelbagaikan aktiviti ekonomi dalam sebuah kerajaan.

IMPLIKASI HUBUNGAN DIPLOMATIK DARIPADA ASPEK AGAMA

Penyebaran sesuatu agama juga boleh terjalin daripada hubungan diplomatik. Namun dalam konteks kajian ini, penyebaran agama Islam sangat dominan. Hal ini kerana, Islam pada waktu itu sudah tersebar luas ke Tanah Melayu. Menurut Hashim Musa (2004: 41), pada abad ke-15, Pasai dan Melaka telah menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam dan menjadi nadi kegiatan pengajaran dan penyebaran agama Islam untuk seluruh Kepulauan Melayu. Kedudukan agama Islam di Tanah Melayu bertambah kukuh lagi apabila sesebuah kerajaan yang bukan beragama Islam membuka ruang atau kesediaan untuk menerima agama Islam. Oleh itu, ia akan membantu menyebarkan syiar Islam. Pernyataan ini ada kaitannya dengan topik yang akan dibincangkan di bawah ini.

Menyebarkan Syiar Islam

Pengarang *Al-tarikh Salasilah Negeri Kedah* menyatakan bahawa hubungan diplomatik yang sedia terjalin antara Kedah dan Siam telah membawa pembaharuan dan perubahan kepada masyarakat Siam khususnya daripada aspek penerimaan Islam. Agama Islam merupakan agama rasmi yang menjadi pegangan kerajaan Melayu Kedah pada waktu itu (Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968:26). Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab bagi pemerintah Islam untuk menyebarkan agama Islam kepada masyarakat bukan Islam. Namun disebabkan agama yang dianuti oleh Kedah dan Siam berbeza (Siam menganut agama Buddha), maka Kedah terpaksa menangguhkan dahulu hasrat tersebut untuk tidak menyinggung perasaan masyarakat Siam. Hal ini kerana, agama merupakan isu yang sangat sensitif untuk dibincangkan apatah lagi kedua-dua kerajaan mempunyai pegangan agama berbeza.

Namun, hajat tersebut akhirnya terlaksana, apabila Sumdit Chao Phya (Siam) terbuka hati dan rela mengahwinkan anak angkatnya, iaitu anak raja Petani yang beragama Buddha dengan Sultan Ahmad Tajuddin. Peristiwa tersebut berlaku semasa Sultan Ahmad Tajuddin melawat kerajaan Siam bagi

menguatkan lagi hubungan diplomatik kedua-dua kerajaan. Perkara paling menarik dalam peristiwa ini ialah Sumdit Chao Phya tidak menghalang sekiranya Sultan Ahmad Tajuddin mengislamkan anak angkatnya itu. Ternyata, hubungan baik yang dijalin selama ini menyebabkan Siam berfikir positif dan tidak membenci agama Islam. Juga membuktikan bahawa dua bangsa dan dua agama yang berbeza tidak mustahil untuk disatukan. Namun, secara realitinya agama yang benar ialah agama Islam. Contoh petikan berikut menceritakan tentang perkara tersebut:

... maka berkata Sumdit kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Dengan perhamba ini ada sa-orang anak raja negeri Petani yang perhamba ambil dari Kechil dan perhamba buatkan seperti anak sendiri. Sekarang ini ia sudah berumur tujuh belas tahun. Perhamba tampak patut di-letak taroh kapada Phya Saiburi. Ta' dapat tiada Phya Saiburi mahu-lah menerimanya mengikut hukum Islam." Maka sahut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jika Chao Phya sudah tampak patut perhamba terima-lah dengan ikhlas dan chuchi hati." Sa-telah itu Sumdit bertanya kepada Tuan Syed Abdullah al-Jafri, "Macham manakah hukum orang Islam?" maka di-ma'alum oleh Tuan Syed Abdullah Al-Jafri akan hal ahwal nikah chara Islam. Maka Sumdit Chao Phya pun sangat suka hati mendengar hal yang demikian itu, lalu bertitah kapada Luang Kucha Ishak, "Boleh-lah siapkan alat2 perkahwinan dengan segera."

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968:203)

Selain contoh peristiwa di atas, perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan Raden Galuh Cendera Kirana dari Majapahit yang beragama Hindu dalam *Sulalatus Salatin* juga antara peristiwa yang membantu kepada penyebaran syiar Islam. Walaupun peristiwa ini tidak diceritakan secara jelas, namun perkahwinan antara kedua-dua kerajaan ini secara terang mengesahkan hal tersebut, iaitu Raden Galuh Cendera Kirana memeluk agama Islam dan melahirkan puteranya, Raden Dikelang.

KESIMPULAN

Dengan kemampuan yang berbeza-beza dan rasa kebertanggungjawaban antara kerajaan yang menjalin hubungan diplomatik telah mewujudkan suatu hubungan yang harmoni dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain, khususnya daripada aspek teras seperti politik, sosiobudaya, ekonomi, dan agama. Kerjasama dalam aspek teras dalam masyarakat Melayu ini telah membantu memantapkan serta menguatkan pentadbiran dan pemerintahan sebuah kerajaan di samping

membantu membangunkan dan menyempurnakan kekurangan dalam setiap kerajaan. Hasil daripada kejayaan hubungan diplomatik Melayu ini telah membawa kerajaan Melayu menapak dan terus maju ke depan. Tumpuan bukan sahaja kepada isu fizikal, keselamatan malahan isu rohaniah juga sangat ditekankan dalam hubungan ini. Hal inilah yang menyebabkan hubungan diplomatik yang dibincangkan sebelum ini dalam bab keempat merupakan hubungan yang mantap dan terbaik yang dicipta dan dilaksanakan dengan jayanya oleh masyarakat Melayu serta meninggalkan impak yang besar di alam Melayu.

RUJUKAN

- IMalaysia*. 2009. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- A.Samad Ahmad (Penyl.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Edisi Kesepuluh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latip Talib. 2010. *Khalifah-khalifah yang Benar: Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali*. Batu Caves: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Adibah Sulaiman, Siti Nor Baya Mat Yaacob, Noor Sham Abdul Hamit & Mohd Fauzi Naim Keri. 2006. *Sejarah Kertas Teks & Rujukan Lengkap*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Afzal Iqbal. 2000. *Diplomasi Islam*. Jakarta : Pustaka Al-Kautsar.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Arba'ie Sujud, Siti Rabiatul Adawiah Jaffar & Salihah Razak. 2014. Peranan Senjata Dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 1(2):165-180.
- Bijan Bidabad. 2012. Diplomacy principles: An Islamic Sufi approach – continuation. *International Journal of Law and Management* 54(6): 422-442.
- G. R. Berridge, Maurice Keens-Soper And T.G Otte. 2001. *Diplomatic Theory From Machiavelli To Kissinger*. Great Britain: Palgrave Macmillan.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban.
- Jelani Harun. 2003. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman: Muhammad Hassan dan Kepengajaran Istana Melayu Awal Abad ke-20. Kertas kerja dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III. Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 3-5 Jun.
- Karen Mingst. 1998. *Essentials of International Relations*. New York: Norton & Company Inc.
- Kassim Ahmad (Penyl.). 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Keith Hamilton & Richard Langhorne. 2010. *The Practice of Diplomacy: Its Evolution, Theory and Administration* (2nd ed). London: Routledge.
- Lokman Abdul Samad. 2001. *Hikayat Hang Tuah: Suatu Pembicaraan Karya Agung dari Pelbagai Aspek*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Jamil Mukmin. 2011. Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP* 2: 71-90.
- Muhammad Asad. 1980. *The Principles of State and Government in Islam*. Gibraltar: Dar-Al-Andalus.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noordin Husin. 2008. Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800. *Akademia* 73: 3-26.
- Salmah Jan Noor Muhamad. 2015. Warkah Sebagai Medium Diplomati Kesultanan Melayu Dalam Menjalankan Hubungan Dengan Kuasa Barat. *Jurnal Melayu* 14(1): 136-148.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2018. *Ilmu Diplomati Melayu dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sarjit S. Gill. 2001. Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Jurnal Sari* 19: 189-203.
- Siti Hawa Salleh (Penyl.). 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar. 1958. *De Hikajat Atjeh*. Leiden: Rijksuniversiteit te Leiden.
- The Oxford English Dictionary*. 1989. New York: Oxford University Press.

Salmah Jan Noor Muhammad (Ph.D)
 Jabatan Bahasa Melayu
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor D.E.
 E-mel: salmahjan@upm.edu.my
 E-mel: salmahjannoor@gmail.com

Diserahkan: 1 Februari 2018
 Diterima: 24 April 2018

Lampiran

